

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]

SOALAN NO. 162

Y.B. TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengkaji semula kesesuaian kadar bayaran penceramah luar untuk tempoh satu jam kepada mana-mana agensi Kerajaan bagi penceramah yang berkelulusan ijazah sarjana muda-RM200, ijazah sarjana - RM300 dan doktor falsafah-RM400 bersesuaian dengan masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memberi keutamaan kepada penggunaan pensyarah/penceramah dalaman (penjawat awam) yang mempunyai kepakaran yang sama seperti penceramah luar (swasta) memandangkan Kerajaan mempunyai ramai pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Namun, Agensi Kerajaan masih dibenarkan untuk menjemput penceramah luar selaras PP/PK2.1/Perenggan 16 mengenai tatacara perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan bagi Agensi Kerajaan.

Berdasarkan peraturan tersebut, perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan merupakan perkhidmatan bukan perunding dan bayaran kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/latihan/seminar/bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberikan tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenar.

Untuk makluman juga, selain daripada bayaran seperti yang dinyatakan Yang Berhormat, bagi pensyarah/penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara boleh menerima bayaran elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar yang ditetapkan. Selain daripada tuntutan kos imbuhan balik bagi bahan/peralatan serta tuntutan perjalanan termasuk penginapan dan lain-lain juga boleh dibayar mengikut kadar yang ditetapkan sekiranya tidak dilaksanakan secara berpakej.

Bagi memastikan kadar-kadar ini kekal relevan dengan persekitaran ekonomi semasa, Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa akan menyemak dan mengkaji kesesuaian kadar ini.